

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95**

**April 1995**

**FEL 304 - Dadah dan Masyarakat**

**Masa: (2 jam)**

---

Kertas ini mengandungi **LIMA (5)** soalan dan 3 muka surat yang bertaip.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

... 2/-

1. Beri suatu perbandingan tentang penggunaan heroin dan alkohol di Malaysia. Bincangkan jawapan anda di bawah tajuk-tajuk berikut:

- (a) Cara administrasi
- (b) Sindrom "withdrawal"
- (c) Tolerans
- (d) Pencegahan relaps melalui rawatan drug
- (e) Model reseptor berkaitan tolerans dan dependens

(25 markah)

2. (A) Bincangkan kesesuaian kajian epidemiologi tentang morbiditi dan mortaliti drug dalam strategi pencegahan.

(B) Terangkan bagaimana kerjasama antarabangsa menyumbang ke arah mengurangkan bekalan dan permintaan dadah di dalam sesebuah negara.

(25 markah)

3. Terangkan asas bagi pernyataan-pernyataan berikut:

- (i) Pelaziman sindrom "withdrawal" memainkan peranan penting dalam relaps penagih.
- (ii) Corak penggunaan dadah menggambarkan norma-norma budaya sesebuah masyarakat.
- (iii) Kesan pengukuhan dadah adalah suatu petanda bagi tolerans yang tinggi dan dependens tenat dadah tersebut.
- (iv) Psikosis amfetamin dianggap sebagai kesan toksik akut dalam penggunaan dadah perangsang.
- (v) Penggunaan luas rokok serta juga hentian tabiat merokok boleh dikaitkan kepada nilai-nilai ekonomi dan sosial bagi masyarakat tertentu.

...3/-

4. (A) Gariskan dan bincangkan dua (2) komponen penting dalam rawatan dan pemulihan penagih dadah.

(10 markah)

- (B) Bincangkan bagaimana perkara di atas (A) telah digabungkan ke dalam konsep Pusat Serenti.

(7 markah)

- (C) Bincangkan kejayaan konsep Pusat Serenti dan bagaimana ia dapat dibandingkan dengan pendekatan lain dalam rawatan dadah.

(8 markah)

5. (A) Terangkan kesan-kesan buruk daripada penggunaan jangka-panjang kanabis dan rokok. Bincangkan bagaimana mereka mempengaruhi polisi dan undang-undang bersabit penggunaannya secara global.

(13 markah)

- (B) Bincangkan profil penagih kanabis dan rokok di negara ini dan terangkan isu-isu di sebalik pendidikan dan pencegahan penggunaan dadah-dadah ini.

(12 markah)

ooOoo